



# KOPERASI KAKITANGAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD

Lot 1-3, Tingkat 1, Jalan Cempaka Sd 12/1a, Bandar Sri Damansara Pju 9, 52200 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-6263 4501 @ 8501 Fax : 03-6263 9501  
E-Mail : admin@kkaimb.my

Ruj. Kami : KKAIMB/JOPPP\_MEMO\_PEMAKLUMAN/20221115\_01  
Tarikh : 15 NOVEMBER 2022

Kepada:

**Anggota-anggota  
Koperasi Kakitangan Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KKAIMB)**

Tuan/Puan,

**ADALAH DIMAKLUMKAN PIHAK KKAIMB DALAM PROSES MELAKSANAKAN PEMOTONGAN SAHAM DAN YURAN SECARA BERKALA BAGI PEMBIAYAAN PERIBADI DAN PEMBIAYAAN MUDAH TUNAI YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN 3 BULAN DAN KEATAS**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak KKAIMB dalam proses melaksanakan pemotongan saham dan yuran secara berkala bagi Pembiayaan Peribadi dan Pembiayaan Mudah Tunai yang mempunyai tunggakan.
3. Perkara ini adalah selaras dengan Aturan & Aktiviti Pembiayaan Anggota Perkara 13.10 dan Aturan & Aktiviti Pembiayaan Mudah Tunai Perkara 14.10 yang menyatakan jika terdapat kegagalan bayaran balik bulanan pinjaman (tunggakan), pihak KKAIMB berhak "*Mendapatkan semula jumlah tertunggak tersebut melalui kontra dividen dan saguhati dari saham dan yuran atau cara selainnya yang dianggap munasabah yang akan ditentukan oleh Lembaga*".
4. Oleh yang demikian, potongan saham dan yuran secara berkala bagi pembiayaan peribadi dan pembiayaan mudah tunai yang mempunyai tunggakan 3 bulan dan ke atas akan berkuatkuasa serta merta. Besar harapan kami sekiranya pihak tuan/puan dapat melakukan pembayaran setiap bulan untuk mengelakkan pemotongan saham dan yuran pihak tuan/puan.
5. Kerjasama daripada pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian, terima kasih.

Yang diamanahkan

Saad Bin Ishak  
Pengerusi Lembaga KKAIMB

Sk: Fail Koperasi  
Ahli Lembaga KKAIMB